

Headline **FAS maju perladangan pintar**  
 Date **06. Feb 2009**  
 Media Title **Berita Harian**  
 Section **Ekonomi**  
 Circulation **192917**  
 Readership **1521000**

Language **MALAY**  
 Page No **30**  
 Article Size **396** cm2  
 Frequency **Daily**  
 Color **Full Color**  
 AdValue



# FAS maju perladangan pintar

## Kerjasama dengan Mimos tingkat hasil ladang sawit kumpulan Felda

Oleh Ahmad Farizal Hajat

**F**ELDA Agricultural Services (FAS) Sdn Bhd, anak syarikat Felda Holdings Bhd akan membangunkan teknologi perladangan pintar bagi meningkatkan mutu hasil ladang sawit kumpulan Felda dan industri perladangan komoditi itu amnya.

Teknologi yang pertama seumpamanya di dunia itu akan dibangunkannya dengan kerjasama Mimos Bhd.

Pengerusi Felda, Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor, berkata kerjasama itu adalah langkah besar bagi sektor perladangan negara berikutan teknologi bakal diusahakan itu mengubah amalan sedia ada dalam perladangan sawit.

"Felda mahu menjadi organisasi global yang disegani dan tersohor dalam industri sawit. Dalam suasana semasa yang mana kos menanam yang meningkat, harga komoditi yang tidak menentu dan isu buruh yang memberi impak ke atas keuntungan, teknologi akan menjadi pe-

mangkin ke arah peningkatan hasil dan mutu.

"Kerjasama ini diharapkan akan membawa suatu era baru ke arah perladangan pintar. Saya meramalkan (tidak lama lagi) terbentuknya 'Felda Moden' yang baru, yang mana penggabungan teknologi pengetahuan dan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) dengan pertanian akan menghasilkan peneroka Felda alaf digital," katanya pada majlis memeterai memorandum persefahaman (MoU) antara FAS dan Mimos di Kuala Lumpur, semalam.

Turut hadir, Pengerusi Mimos, Datuk Suriah Abdul Rahman; Pengarah Eksekutif dan Ketua Eksekutif FAS, S Palaniappan serta Presiden dan Ketua Eksekutif Mimos, Datuk Abdul Wahab Abdullah.

Mengikut MoU itu, kedua-dua pihak akan bekerjasama dalam enam bidang yang mana Mimos akan membina aplikasi baru untuk FAS berdasarkan teknologi penderiaan berlandaskan teknologi Sistem Elektro-Mekanikal kro (Mems), teknologi semantik, teknologi tanpa wa-



**ABDUL WAHAB (kanan) dan Palaniappan bertukar dokumen perjanjian sambil diperhatikan Mohd Yusof dan Suriah di Kuala Lumpur, semalam.**

**“Kerjasama ini diharapkan membawa era baru ke arah perladangan pintar”**

**Mohd Yusof Noor**  
Pengerusi Felda

yar dan teknologi pengkomputeran grid.

Sementara itu, Palaniappan berkata, kerjasama itu akan memulakan satu era baru untuk teknologi pertanian yang mana pangkalan data digital akan digunakan untuk menguruskan ladang secara efektif serta dapat mem-

peroleh hasil lebih tinggi.

"Buat permulaan, FAS akan menggunakan teknologi ini di Pusat Perkhidmatan Pertanian Tun Razak di Sungai Tekam, Pahang yang mana hasilnya akan diperoleh suku pertama tahun ini dan diguna di ladang sawit Felda selepas itu," katanya.